



Penaung 1: Y.A.B. Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia
 Penaung 2: Y.A.B. Tan Sri Muhyiddin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia

Rujukan Kami : GCSB-SG/16/5/40(146)

Tarikh : 30 September 2010

SEGERA DENGAN FAKS

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berbahagia Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

JEMPUTAN MENGHADIRI PENGOPERASIAN PUSAT SEHENTI GABEM (PSG)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat GABEM bil GCSB-SG/16/5/40(123) bertarikh 1 September 2010 mengenai perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan, **Majlis Pelancaran dan Pengoperasian Pusat Sehenti GABEM (PSG)** telah diadakan pada 26 Ogos 2010 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Susulan daripada itu, Pengoperasian Pusat Sehenti GABEM akan diteruskan secara berkala mengikut tarikh-tarikh yang ditetapkan. Pengoperasian PSG seterusnya adalah pada 12 Oktober 2010 (Selasa) jam 10.00 pagi hingga 4.00 petang di Bilik Perlis dan Pulau Pinang, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

3. Pusat Sehenti GABEM (PSG) merupakan platform kepada usahawan bagi mendapatkan khidmat nasihat, menerima aduan serta mendapatkan peluang-peluang perniagaan daripada Kementerian-kementerian dan Agensi-agensi yang berkaitan. Di antara Kementerian dan Agensi yang bekerjasama di dalam PSG adalah Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Unit Perancang Ekonomi (EPU), Bank Negara Malaysia (BNM), Credit Guarantee Corporation (CGC), TEKUN Nasional, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Perbadanan Nasional Berhad (PNS), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), SME Bank, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Bank Rakyat serta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB).

4. Memandangkan sokongan daripada badan-badan afiliasi serta ahli-ahli amatlah bermakna bagi menjayakan PSG ini maka GABEM memohon jasa baik Yang Berbahagia Datuk / Dato' / Tuan / Puan agar dapat memanjang dan menghebahkan jemputan ini kepada semua ahli yang bernaung di bawah Yang Berbahagia Datuk / Dato' / Tuan / Puan. Ini kerana julung-julung kalinya Kementerian dan Agensi yang berkaitan berada di bawah satu bumbung untuk memberikan khidmat nasihat, bantuan terhadap permasalahan keusahawanan serta bentuk-bentuk peluang perniagaan yang boleh diceburi oleh para usahawan dan bakal usahawan.

Rujukan Kami: GCSB-SG/16/5/40(127)

5. Bersama-sama ini disertakan **borang kehadiran** PSG untuk perhatian dan tindakan Yang Berbahagia Datuk / Dato' / Tuan / Puan. Sila mengesahkan kehadiran dengan mengisi borang seperti di lampiran dan mengembalikan semula kepada GABEM sebelum 11 Oktober 2010 di 03-21610606/21647140 (faks).

6. Segala kerjasama dan kehadiran Yang Berbahagia Datuk / Dato' / Tuan / Puan serta ahli-ahli amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

Yang benar,
GAGASAN BADAN EKONOMI MELAYU



(DATO' RAMLAN OTHMAN)
Pengarah Eksekutif

SENARAI KEHADIRAN**PELANCARAN DAN PENGOPERASIAN PUSAT SEHENTI GABEM (PSG)****Tarikh: 12 Oktober 2010 (Selasa) Tempat: Bilik Perlis/ Pulau Pinang, PWTC****Persatuan:.....**

BIL	NAMA	NO. TELEFON UNTUK DIHUBUNGI	E-MAIL
1.			
2.			
3.			
4.			
5.			
6.			
7.			
8.			
9.			
10.			
11.			
12.			
13.			
14.			
15.			
16.			
17.			
18.			
19.			
20.			
21.			
22.			
23.			
24.			
25.			
26.			
27.			
28.			
29.			
30.			

Sila mengesahkan kehadiran sebelum/pada 11 Oktober 2010 ke 03-2161 0606/2164 7140 (faks).